53

# BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KEDUA
# BAGI PENGGAL YANG KETIGA DEWAN UNDANGAN
# NEGERI PULAU PINANG
# YANG KEEMPAT YANG TELAH DIADAKAN
# PADA 18HB. OKTOBER, 1976.

DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG
29/10/76

BIL. DUN/PP/309.

MESYUARAT YANG KEDUA BAGI PENGGAL YANG KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT YANG TELAH DIADAKAN PADA HARI ISNIN, 18HB. OKTOBER, 1976, JAM 9.30 PAGI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG.

---

## SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. **DOA.**

2. **MEMBENTANGKAN RISALAH-RISALAH.**

Bil. 9 tahun 1976 — Anggaran Tambahan Biasa Yang Pertama, 1976.

Bil. 10 tahun 1976 — Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1974.

Bil. 11 tahun 1976 — Lapuran Juru Odit Negara Malaysia Mengenai Kira-Kira Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31.12.1974.

Bil. 12 tahun 1976 — Lapuran Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31.12.1975.

3. **SOALAN-SOALAN.**

(A) (Soalan-Soalan Mulut)

(I) Yang Berhormat Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya Ketua Menteri:-

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa ahli-ahli L.P.K.T., S.P./P.P. berasa sangat hampa dan gelisah disebabkan Kerajaan Negeri telah tidak membayar Elaun yang tetap kepada mereka? Jika sedar, apakah langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada saraan mereka?

2. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang supaya perlantikan ahli-ahli L.P.K.T. bagi seluruh Negeri Pulau Pinang yang ada sekarang ini dihadkan tempoh perkhidmatan mereka hingga 3 tahun sekali?

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa banyak kawasan-kawasan perumahan yang dibangunkan oleh pihak swasta atau pemaju-pemaju perumahan telah memberikan nama-nama tempat itu dengan sesukahati mereka tanpa merujuk lebih dahulu kepada L.P.K.T., S.P./P.P.?
Jika sedar, apakah perintah Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada

mereka bagi mengubah nama tempat-tempat seperti itu dengan mengikut sejarah sesuatu tempat itu?

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri senaraikan projek-projek Ugama dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan projek-projek lain di Pulau Pinang seperti berikut di bawah ini untuk dilaksanakan:-

| | | | Tempat | Perbelanjaannya |
|---|---|---|---|---|
| (A) | 1. | Sekolah Ugama Rakyat | Tempat | Perbelanjaannya |
| | 2. | Mesjid-mesjid | ,, | ,, |
| | 3. | Surau-surau | ,, | ,, |
| | 4. | Tokong-tokong | ,, | ,, |
| | 5. | Kuil-kuil | ,, | ,, |
| (B) | 1. | Tempat-tempat Perniagaan Am | ,, | ,, |
| | 2. | Pasar-pasar Baru | ,, | ,, |
| | 3. | Kawasan Perniagaan Khas Bumiputra | ,, | ,, |
| (C) | 1. | Sekolah-sekolah Rendah | ,, | ,, |
| | 2. | Sekolah-sekolah Menengah | ,, | ,, |
| (D) | | Kawasan-kawasan Perumahan | ,, | ,, |
| | | Kawasan-kawasan Pertanian | ,, | ,, |

(i) Mengadakan parit-parit baharu
(ii) Memperbaiki parit-parit lama
(iii) Mengadakan kawasan baru untuk persawahan.

(II) Yang Berhormat Encik Oh Teck Aun bertanya Ketua Menteri:-

1. Bolehkah Kerajaan Negeri mengarahkan pihak J.K.R. mengtarkan jalan-jalan di tepi Caltex Service Station di Jalan Kulim, Bukit Mertajam?

2. Adakah Kerajaan menyediakan apa-apa pelan untuk membina rumah-rumah murah di Bukit Mertajam di bawah Rancangan Malaysia Ke 3?

3. Bilakah Kerajaan akan menerima (adopt) Local Government Act?

4. Adakah Kerajaan apa-apa pelan mengadakan minggu Pulau Pinang di Adelaide, tahun ini?

(III) Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak bertanya Ketua Menteri:-

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengarahkan J.K.R. supaya mengadakan satu sistem mengtarkan jalan-jalanraya Negeri ataupun Federal yang lebih baik dan ekonomi kerana jalan-jalanraya pada masa sekarang biasanya berlopak dan berlubang selepas hari hujan?

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan mengapakah projek Parit Besar di tepi Sekolah Menengah Dato Onn untuk aliran air kotor dari Pekan Bagan Ajam masih TERBENGKALAI? Ini menyebabkan nyamok banyak, air kotor bertakong dan bau busuk.

3. Adakah pihak yang berkuasa atas sekim-sekim Perumahan Murah di Telok Ayer Tawar, Penaga, Kepala Batas, Sungai Dua dan Tasek Glugor sedar bahawa penduduk-penduduk dalam keadaan serba susah kerana tidak mendapat kemudahan yang seimbang dari segi kesihatan kerana:

   a. Nyamok banyak.

   b. Air bertakong.

   c. Parit besar untuk aliran air kotor dari rumah tidak ada.

   d. Tong sampah tidak cukup.

   e. Ada kawasan perumahan yang air najis meluap naik ke atas dan berbau.

   f. Buruh bekerja sambil lewa dan begitu juga mandornya, buruh-buruh lebih mementing bekerja di rumah mandor.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dengan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah yang diadakan tiap-tiap dua minggu sekali itu amatlah baik dan berfaedah. Tetapi apa yang mendukacitakan Ketua-Ketua Jabatan hanya menghantar wakilnya yang kurang bertanggungjawab dalam beberapa masaalah untuk menghaziri mesyuarat-mesyuarat tersebut. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengarahkan supaya perkara ini diatasi?

5. Bolehkah TAKLIMAT diberi kepada ahli-ahli Dewan, wakil-wakil rakyat dan senator-senator tentang kedudukan negeri dan negara dari masa ke semasa dalam semua bidang?

(IV) Yang Berhormat Encik Yahaya bin Haji Mohd. Yusoff bertanya Ketua Menteri:-

1. (a) Bilakah pihak Kerajaan telah mengadakan Pusat Pemulihan Dadah di Bukit Mertajam, Seberang Perai?

   (b) Siapakah Pengarahnya?

   (c) Sudahkah Kerajaan Negeri atau Pengarahnya menjemput secara rasmi orang-orang kenamaan, pegawai-pegawai pentadbir, dan khasnya Ahli-Ahli J.K.K.K. untuk melawat ke tempat pemulihan ini?

   (d) Jika belum bilakah jangkanya akan diadakan?

   (e) Jika sudah bolehkah beri serba sedikit kemajuan laporannya.

(f) Jika pihak Kerajaan atau Pengarahnya memikirkan tidak perlu atau tidak berfaedah menjemput mereka-mereka yang tersebut, sila beri sebab-sebabnya.

2. (a) Adakah Kerajaan merancangkan untuk memperbesarkan dan melebarkan Jalan Raya, Jalan Sungai Nipah, Simpang Empat, Balik Pulau dari pekan Simpang Empat ke Simpang Sungai Burong, Balik Pulau, yang jauhnya lebihkurang suku batu sahaja?

(b) Kalau tidak ada rancangan, tolong beri sebab-sebabnya.

3. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membina semula sebuah Dewan Orangramai di Balik Pulau untuk menggantikan sebuah Balai Raya yang sedia ada kerana Balai Raya ini sudah tidak mencukupi untuk kegunaan orangramai yang setiap masa menggunakannya?

4. (a) Apakah yang telah terjadi berkenaan dengan Siasatan Tanah Sawah di Mukim H, Sungai Burong dan Mukim I, Kampong Perlis, Balik Pulau, Pulau Pinang, yang luasnya kira-kira 1991 ekar untuk menukar tanaman dari sawah padi ke tanaman lain: kelapa, koko, nenas dan sebagainya.

(b) Adakah pihak Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Pertanian berikhtiar bagi memberi satu-satu cara pertolongan untuk membolehkan tanah sawah ini jangan terbiar begitu sahaja dengan tidak sebarang hasil didapati?

(B) (Soalan-Soalan Bertulis)

(I) Yang Berhormat Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya Ketua Menteri:-

1. Bilakah peruntukan sebanyak $36,000.00 (Tiga Puluh Enam Ribu Ringgit) bagi projek mendirikan sekolah Ugama bertempat di Pokok Tampang, Tasek Glugor akan diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan pembinaannya?

2. Bilakah peruntukan sebanyak $50,000.00 (Lima Puluh Ribu Ringgit) bagi projek pembinaan Dewan Ramai bertempat di Tasek Glugor itu akan dilulus dan dilaksanakan oleh Kerajaan?

3. Bilakah projek-projek jalanraya bagi tempat-tempat seperti berikut di bawah ini akan memulakan pembinaanya:-

(a) Jalan Masuk ke Kampong Ekor Kucing, Tasek Glugor;

(b) Jalan Masuk ke Kampong Pokok Jenereh, Kubang Menerong dan Pokok Macang, Tasek Glugor;

(c) Jalan dari Permatang Bertam dekat Jerat Hindu ke Jalan Lahar Bubu, Kepala Batas;

(d) Jalan Kampung Permatang Manggis, Kepala Batas.

4. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mengambil alih semua Sekolah-sekolah Ugama Rakyat yang ada pada masa ini untuk diletakkan di bawah satu pentadbiran?

5. Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membangunkan sebuah Sekolah Ugama Islam Negeri di Negeri Pulau Pinang?

6. Sepertimana Y.A.B. maklum, jumlah bilangan kerusi ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sekarang ialah 27, walhal perkara 11 Perlembagaan Negeri masih 24. Saya ingin tahu samada satu Enakmen telah dibuat di bawah perkara 11, Perlembagaan Negeri bagi menyamakan dengan keadaan yang ada sekarang.

7. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa dengan perlantikan Pegawai-Pegawai Daerah bagi seluruh Negeri Pulau Pinang sebagai ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, kedudukan taraf dan kuasa mereka secara tidak langsung telah diberikan kepada Pengerusi-Pengerusi L.P.K.T., S.P./P.P.? Jika Y.A.B. Ketua Menteri sedar, adakah atau tidak Kerajaan Negeri akan melakukan perubahan kepada perlantikan mereka?

(II) Yang Berhormat Encik Oh Teck Aun bertanya Ketua Menteri:-

1. Bagaimanakah kemajuan berkaitan dengan pengeluaran Suratan Hakmilik bagi rumah-rumah murah di Taman Sentosa di Bukit Mertajam?

2. Bolehkah Peringkat 1A Kompleks Tun Abdul Razak diselesaikan dalam masa yang ditetapkan iaitu pada penghujung 1976? Kalau tidak, beri sebab-sebabnya?

3. Apa terjadi kepada kapal "Catamaran"? Adakah Kerajaan ingin menjual kapal itu kerana ianya tidak memberi apa-apa faedah kepada rakyat?

(III) Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak bertanya Ketua Menteri:-

1. Adakah Kerajaan sedar bahawa akibat kelalaian pihak berkuasa Sekim Perumahan Murah, terdapat tunggakan-tunggakan sewa yang berpuluh-puluh bulan? Sepatutnya penghuni-penghuni yang berpatut diingatkan atas apa-apa tunggakan sewa.

Bilakah Kerajaan Negeri akan melantik dua syarikat guaman untuk mengambil tindakan undang-undang di atas perkara ini?

4. **RANG UNDANG-UNDANG.**

(1) Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan.

(2) Rang Undang-Undang Bekalan Tambahan (1976) (No.1), 1976.

5. **USUL-USUL.**

(A) Y.A.B. Ketua Menteri mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong Rancangan Malaysia Yang Ketiga dan akan melaksanakannya dalam Negeri ini mengikut jadual."

Bil: DUN/PP/309

SECOND MEETING OF THE THIRD SESSION OF THE FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG, TO BE HELD ON MONDAY, 18TH OCTOBER, 1976, AT 9.30 A.M. AT THE LEGISLATIVE ASSEMBLY CHAMBER, LIGHT STREET, PENANG.

---

# ORDERS OF THE DAY

1. **PRAYER.**

2. **PRESENTATION OF PAPERS.**

No. 9 of 1976 — 1st Supplementary Ordinary Estimates, 1976.

No. 10 of 1976 — The Financial Statements of the State of Penang for the year 1974.

No. 11 of 1976 — Report of the Auditor-General, Malaysia, in respect of Accounts of the State of Penang for the year ending 31.12.74

No. 12 of 1976 — Annual Report of the Penang Development Corporation for the year ending 31.12.75.

3. **QUESTIONS.**

(A) (ORAL):

(I) Hon'ble Encik Md. Noor bin Ahmad to ask the Chief Minister:-

1. Is the Hon'ble Chief Minister aware that members of L.P.K.T. Province Wellesley/Penang are very disappointed and uneasy because fixed allowances are not being paid to them by the State Government? If so, what are the steps taken by the State Government regarding their remuneration?

2. Does the State Government intend to fix the term of appointment to 3 years for the current LPKT members in Penang as well as in Province Wellesley?

3. Is the Hon'ble Chief Minister aware that many of the housing estates developed either by the private sector or housing developers have been given names according to their wishes without referring it first to the LPKT Province Wellesley/Penang?
If so, what are the directions given to them by the State Government so that these places may be given proper names according to the history of the place?

4. Can the Hon'ble Chief Minister provide a list of Religious Projects and other projects in Penang which will be implemented under the Third Malaysia Plan as follows:-

| | | Place | Expenditure |
|---|---|---|---|
| (a) | 1. Religious Schools | Place | Expenditure |
| | 2. Mosques | ,, | ,, |
| | 3. Surau | ,, | ,, |
| | 4. Temples | ,, | ,, |
| | 5. Indian Temples | ,, | ,, |
| (b) | 1. Common sites for trading purposes | ,, | ,, |
| | 2. New Markets | ,, | ,, |
| | 3. Special trading sites for Bumiputra | ,, | ,, |
| (c) | 1. Primary Schools | ,, | ,, |
| | 2. Secondary Schools | ,, | ,, |
| (d) | Housing Estates | ,, | ,, |
| | Agricultural Areas | ,, | ,, |

(i) Provision of new drainage facilities

(ii) Repairs on old drainage facilities

(iii) Opening up of new areas for cultivation.

(II) Hon'ble Encik Oh Teck Aun to ask the Chief Minister:-

1. Will the State Government direct the J.K.R. to metal the roads next to the Caltex Service Station along Jalan Kulim, Bukit Mertajam?

2. Has the State Government drawn up any plan for the construction of low-cost houses for Bukit Mertajam under the 3rd Malaysia Plan?

3. When will the State Government adopt the new Local Government Act?

4. Has the Government any plan to stage a Penang Week in Adelaide this year?

(III) Hon'ble Encik Haji Ibrahim bin Abdul Razak to ask the Chief Minister:-

1. Can the Hon'ble Chief Minister direct the J.K.R. to introduce a better and economical system of metalling roads, be it Federal or State Roads because the present roads are usually left with potholes and pools of water after the rains.

2. Can the Hon'ble Chief Minister explain why there is a delay in the implementation of a big drain project beside the Sekolah Menengah Dato Onn as drainage from Pekan Bagan Ajam? This has resulted in plenty of mosquitoes, stagnant water and bad odour.

3. Is the authority concerned aware that residents in the low-cost housing areas in Telok Ayer Tawar, Penaga, Kepala Batas, Sungai Dua and Tasek Glugor are facing great difficulties because they were not given adequate facilities from the health point of view because:

   a. Mosquitoes are plentiful.

   b. Water left to stagnate.

   c. No proper drainage for effluents from houses.

   d. Insufficient refuse bins.

   e. In some housing areas, sewage overflows resulting in bad odour.

   f. Labourers including their mandor (overseer) are not conscientious in their duties attaching more importance to the house of the mandor.

4. The Meeting of the District Action Committee chaired by the District Officer which is held once in every 2 weeks are very appropriate and beneficial. Unfortunately, the Heads of Departments only send their representatives who are not so responsible on several matters to attend the said meetings. Can the Hon'ble Chief Minister direct that this problem be overcome?

5. Can a briefing be given to State Assemblymen, Members of Parliament and Senators on all aspects of the situation of the State and Country from time to time?

(IV) Hon'ble Encik Yahaya bin Haji Mohd. Yusoff to ask the Chief Minister:-

1. (a) When was the Drug Rehabilitation Centre set up by the Government in Bukit Mertajam, Province Wellesley?

   (b) Who is its Director?

   (c) Has the State Government or the Director concerned extended any official invitation to dignitaries, administrative officers and in particular members of JKKK to visit this rehabilitation centre?

   (d) If the invitation have not been extended, when will it be?

   (e) If it has been done please give a brief report on its progress.

   (f) If the Government or Director concerned feels that it is not necessary and will not serve any useful purpose to extend invitations to the above mentioned persons, kindly state the reasons.

2. (a) Does the Government plan to extend and widen the Sungai Nipah Road, Simpang Empat, Balik Pulau from Pekan Simpang Empat to Simpang Sungei Burong, Balik Pulau which is about $\frac{1}{4}$ mile long only?

   (b) If there is no such plan, why?

3. Does the Government intend to construct a Community Hall at Balik Pulau to replace the existing Community Hall at Balik Pulau because the present hall does not meet with the requirements of the public?

4. (a) What has happened to the Survey of Padifields in Mukim H, Sungei Burong and Mk. I Kampong Perlis, Balik Pulau, Penang which total approx. 1991 acres for conversion to other types of cultivation such as coconut, cocoa, pineapples, etc.?

   (b) Does the Drainage & Irrigation Department and Department of Agriculture intend to help in any way so that the padi fields are not left as they are, without any profitable returns.

(B) (WRITTEN):

(I) Hon'ble Encik Md. Noor bin Ahmad to ask the Chief Minister:-

1. When will a sum of $36,000.00 (Thirty six thousand dollars) provided for the construction of a Religious School in Pokok Tampang, Tasek Gelugor be approved for implementation by the State Government?

2. When will a provision of $50,000.00 (Fifty thousand dollars) for the construction of a Community Hall in Tasek Gelugor be approved and implemented by the Government?

3. When will construction work on road projects begin in the following places:-

   (a) Access Road to Kampong Ekor Kucing, Tasek Gelugor;

   (b) Access Road to Kampung Pokok Jenereh, Kubang Menerang and Pokok Macang, Tasek Gelugor;

   (c) Road from Permatang Bertam beside the Hindu Cemetery to Jalan Lahar Bubu, Kepala Batas?

   (d) Road in Kampong Permatang Manggis, Kepala Batas.

4. Does the State Government intend to take over all existing Religious Schools so that they be placed under a single administration?

5. When will the State Government construct a State Islamic Religious School in the State of Penang?

6. As informed by the Hon'ble Chief Minister, the number of members of the State Legislative Assembly, Penang at present total 27 while Clause 11 of the State Constitution still provides for 24. I would like to know as to whether an Enactment has been prepared under Clause 11 of the State Constitution to bring into conformity with the present situation?

7. Is the Hon'ble Chief Minister aware that the appointment of District Officers in the State of Penang as members of LPKT has indirectly resulted in a handing over of their status and authority to the Chairman of LPKT Province Wellesley/Penang? If the Hon'ble Chief Minister is aware, will the State Government make any amendment to their appointment?

(II) Hon'ble Encik Oh Teck Aun to ask the Chief Minister:-

1. What is the progress made with regard to the issue of Title Deeds to the low-cost houses in Taman Sentosa in Bukit Mertajam?

2. Will phase 1A of the Complex Tun Abdul Razak be completed as scheduled i.e. at the end of 1976?
If it cannot be completed as scheduled, give reasons for the delay.

3. What has happened to the Catamaran house-boat? Will the Government consider selling the boat as it has not brought any benefit to the public?

(III) Hon'ble Encik Haji Ibrahim bin Abdul Razak to ask the Chief Minister:-

1. Is the Government aware that due to negligence on the part of the Low-Cost Housing Authorities, there are few months' arrears of rent which have not been collected. In fact, the residents concerned should be reminded on any outstanding rentals.
When will the State Government appoint 2 legal firms to enforce legal action on this matter.

4. **BILLS.**

(1) Constitutional Amendment Bill.

(2) Supplementary Supply (1976) (No.1), 1976, Bill.

5. **MOTIONS.**

(a) Hon'ble Chief Minister to move:-
"That this House supports the Third Malaysia Plan and will implement it within the State according to schedule."

BUTIR - BUTIR MESYUARAT YANG KEDUA BAGI PENGGAL YANG KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI, PULAU PINANG YANG KEEMPAT YANG TELAH DIADAKAN PADA HARI ISNIN, 18HB OKTOBER, 1976, JAM 9.30 PAGI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG.

**HAZIR:**

Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Hj. Harun bin Sirat, D.M.P.N.)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang (Encik Mohd. Noor bin Haji Ahmad, P.U.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)
„ „ Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, D.M.P.N., A.M.N., J.P.)
„ „ Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.P.)
„ „ Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)
„ „ Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah, J.P.)
„ „ Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
„ „ Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)
„ „ Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim)
„ „ Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, P.J.K.)
„ „ Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)
„ „ Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)
„ „ Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)
„ „ Ahli Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)
„ „ Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud, P.P.N.)
„ „ Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)
„ „ Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, P.J.K.)
„ „ Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Choong Sim Poey)
„ „ Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)
„ „ Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.)
„ „ Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
„ „ Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
„ „ Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)
„ „ Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)
„ „ Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan @ Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
„ „ Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

**TURUT HAZIR:**

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.M.)

1. **DOA**

**PENGUMUMAN DATUK SPEAKER**

Datuk Speaker menjemput para hazirin berdiri bertafakur selama seminit sebagai tanda penghormatan kepada bekas Gabnor Pulau Pinang, Allahyarham Raja Tun Uda Al-Haj bin Raja Muhammad, S.M.N., D.U.P.N. (K.B.E., C.M.G.), yang telah meninggal dunia pada 16hb Oktober, 1976.

Selepas itu Datuk Speaker juga menjemput para hazirin berdiri dan bertafakur selama seminit sebagai tanda penghormatan kepada bekas Ahli Dewan, mendiang V. Veerappen yang telah meninggal dunia pada 5hb Julai, 1976.

2. **MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT**

Risalat-risalat yang berikut adalah dibentangkan di atas meja Dewan:

Bil. 9 tahun 1976 — Anggaran Tambahan Biasa Yang Pertama, 1976.

Bil. 10 tahun 1976 — Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1974.

Bil. 11 tahun 1976 — Laporan Juru Odit Negara Malaysia Mengenai Kira-Kira Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31.12.1974.

Bil. 12 tahun 1976 — Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31.12.1975.

3. (A) **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN**

Jawapan-jawapan mulut kepada soalan-soalan yang telah dinyatakan terlebih dahulu, dan juga kepada soalan-soalan tambahan adalah diberi oleh Ketua Menteri, Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah), Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman), Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong) dan Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim).

(B) **JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN**

Jawapan-jawapan bertulis kepada soalan-soalan yang telah dinyatakan terlebih dahulu adalah dibentangkan di atas meja Dewan.

4. **RANG UNDANG-UNDANG**

(1) **Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan), 1976**

Ketua Menteri, dengan disokong oleh Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh), mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen bagi meminda Perlembagaan' dibacakan bagi kali yang pertama.

**Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang Pertama**

Ketua Menteri, menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 59, memberi kenyataan tentang tujuan beliau hendak mencadangkan Bacaan yang kedua Rang Undang-Undang itu dengan serta merta.

Ketua Menteri berucap kepada Dewan dan, dengan disokong oleh Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh), mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan), 1976, dibacakan bagi kali yang kedua.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How) berucap kepada Dewan.

Ketua Menteri berucap kepada Dewan.

**Usul dipersetujui dan Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.**

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa dan menimbangkan Rang Undang-Undang itu sefasal demi sefasal dan bersetuju tanpa pindaan.

**Dewan bersidang semula**

Ketua Menteri melaporkan bahawa Rang Undang-Undang telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan, dan mencadangkan supaya Rang Undang-Undang itu kini dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

**Usul dipersetujui dan Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.**

(2) **Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1976)(No.1), 1976**

Ketua Menteri, dengan disokong oleh Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud), mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1976 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu' dibacakan bagi kali yang pertama.

**Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang pertama.**

Ketua Menteri, menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 59, memberi kenyataan tentang tujuan beliau hendak mencadangkan Bacaan yang kedua Rang Undang-Undang itu dengan serta merta.

Ketua Menteri berucap kepada Dewan dan dengan disokong oleh Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud), mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1976) (No.1), 1976, dibacakan bagi kali yang kedua.

Ketua Menteri berucap kepada Dewan.

**Usul dipersetujui dan Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.**

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan dan menimbangkan Rang Undang-Undang itu sefasal demi sefasal dan bersetuju tanpa pindaan.

**Dewan bersidang semula**

Ketua Menteri melaporkan bahawa Rang Undang-Undang telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan dan mencadangkan supaya Rang Undang-Undang itu kini dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

**Usul dipersetujui dan Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.**

5. **USUL-USUL**

(A) **Usul oleh Y.A.B. Ketua Menteri.**

Ketua Menteri berucap kepada Dewan dan, dengan disokong oleh Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak), mencadangkan:-

> "Bahawa Dewan ini menyokong Rancangan Malaysia Yang Ketiga dan akan melaksanakannya dalam Negeri ini mengikut jadual."

**Usul dipersetujui.**

6. **PENANGGUHAN**

Ketua Menteri, dengan disokong oleh Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman), mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 11.03 pagi.**

**Dewan bersidang semula pada jam 11.30 pagi.**

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad) berucap kepada Dewan.

Ketua Menteri berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C.Y. Choy) berucap kepada Dewan.

Ketua Menteri berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee) berucap kepada Dewan.

Ketua Menteri berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak) berucap kepada Dewan.

Ketua Menteri berucap kepada Dewan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 12.50 tengahari.**

DATUK HAJI HARUN BIN SIRAT
Speaker,
Dewan Undangan Negeri,
Pulau Pinang.

# MINUTES OF THE SECOND MEETING OF THE THIRD SESSION OF THE FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG, HELD ON MONDAY, 18TH OCTOBER, 1976 AT 9.30 A.M. IN THE LEGISLATIVE ASSEMBLY CHAMBER, LIGHT STREET, PENANG.

**PRESENT:**

The Honourable Datuk Speaker (Datuk Hj. Harun bin Sirat, D.M.P.N.)
" " the Chief Minister (Dr. Lim Chong Eu)
" " the Legal Adviser (Encik Mohd. Noor bin Haji Ahmad, P.U.P.)
" " the Member for Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)
" " the Member for Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, D.M.P.N., A.M.N., J.P.)
" " the Member for Kampong Kolam (Mr. Khoo Kay Por, J.M.N., J P.)
" " the Member for Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)
" " the Member for Sungei Bakap (Encik S.P. Chelliah, J.P.)
" " the Member for Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
" " the Member for Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)
" " the Member for Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim)
" " the Member for Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, P.J.K.)
" " the Member for Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)
" " the Member for Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)
" " the Member for Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)
" " the Member for Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)
" " the Member for Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud, P.P.N.)
" " the Member for Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)
" " the Member for Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, P.J.K.)
" " the Member for Sungai Nibong (Dr. Choong Sim Poey)
" " the Member for Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)
" " the Member for Tasek Glugor (Encik Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.)
" " the Member for Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
" " the Member for Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
" " the Member for Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)
" " the Member for Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)
" " the Member for Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan @ Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
" " the Member for Pengkalan Kota (Encik C.Y. Choy)

**IN ATTENDANCE:**

The Clerk of the Legislative Assembly (Encik Wong Hin Fatt, P.J.M.)

1. **PRAYER**

**ANNOUNCEMENT BY DATUK SPEAKER**

Datuk Speaker invites the Assembly to observe a one-minute silence as a mark of respect to the late Raja Tun Uda Al-Haj bin Raja Muhammad, S.M.N., D.U.P.N. (K.B.E., C.M.G.), the former Governor of Penang who passed away on 16th October, 1976.

Datuk Speaker also invites the Assembly to observe a one-minute silence as a mark of respect to the late Encik V. Veerappen, the former Penang State Assembly who passed away on 5th July, 1976.

2. **PRESENTATION OF PAPERS**

The following Papers are laid on the table of the Assembly:-

No. 9 of 1976 — 1st Supplementary Ordinary Estimates, 1976.
No. 10 of 1976 — The Financial Statements of the State of Penang for the year 1974.
No. 11 of 1976 — Report of the Auditor-General, Malaysia, in respect of Accounts of the State of Penang for the year ending 31.12.74.
No. 12 of 1976 — Annual Report of the Penang Development Corporation for the year ending 31.12.75.

3. (A) **ORAL ANSWERS TO QUESTIONS**

Oral answers to questions of which notice has been given, and to supplementary questions, are given by the Honourable Chief Minister, the Member for Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah), the Member for Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman), the Member for Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong), and the Member for Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim).

(B) **WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS**

Written answers to questions, of which notice has been given, are laid on the table of the Assembly.

4. **BILLS**

(1) **Constitutional (Amendment) Bill, 1976**

The Chief Minister, seconded by the Member for Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh), moves that the Bill intituled 'An Enactment to amend the Constitution' be read a first time.

**The Bill is read a first time.**

The Chief Minister, in accordance with the provisions of Standing Order 59, gives notice of his intention to move the Second Reading of the Bill forthwith.

The Chief Minister addresses the Assembly and, seconded by the Member for Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh), moves that the Constitutional (Amendment) Bill, 1976 be read a second time.

The Member for Bagan Jermal (Encik Ong Yi How) addresses the Assembly.

The Chief Minister addresses the Assembly.

**The Motion is agreed to and the Bill is read a second time.**

The Assembly sits in Committee and considers the Bill clause by clause and agrees without amendment.

**The Assembly resumes**

The Chief Minister reports that the Bill has been considered in Committee and agreed to without amendment, and moves that the Bill be now read a third time and passed.

**The Motion is agreed to and the Bill is read a third time and passed.**

(2) **Supplementary Supply (1976) (No.1) Bill, 1976**

The Chief Minister, seconded by the Member for Penanti (Encik (Abdullah bin Mohamed @ Mahmud), moves that the Bill intituled "An Enactment to apply sums out of the Consolidated Fund for additional expenditure for the service of the year 1976 and to appropriate such sums for certain purposes" be read a first time.

**The Bill is read a first time.**

The Chief Minister, in accordance with the provisions of Standing Order 59, gives notice of his intention to move the second reading of the Bill forthwith.

The Chief Minister addresses the Assembly and, seconded by the Member for Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud), moves that the Supplementary Supply (1976) (No.1) Bill, 1976, be read a second time.

The Chief Minister addresses the Assembly.

**The Motion is agreed to and the Bill is read a second time.**

The Assembly sits in Committee and considers the Bill clause by clause and agreed to without amendment.

**The Assembly resumes**

The Chief Minister reports that the Bill has been considered in

Committee and agreed to without amendment and moves that the Bill be now read a third time and passed.

**The Motion is agreed to and the Bill is read a third time and passed.**

5. **MOTIONS**

(A) **Motion by the Honourable Chief Minister**

The Chief Minister addresses the Assembly and, seconded by the Member for Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak), moves:-

"That this House supports the Third Malaysia Plan and will implement it within the State according to schedule."

**The Motion is agreed to.**

6. **ADJOURNMENT**

The Chief Minister, seconded by the Member for Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman), moves that the Assembly do adjourn.

**The Assembly adjourns at 11.03 a.m.**

**The Assembly resumes at 11.30 a.m.**

The Member for Tasek Glugor (Encik Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad) addresses the Assembly.

The Chief Minister addresses the Assembly.

The Member for Pengkalan Kota (Encik C.Y. Choy) addresses the Assembly.

The Chief Minister addresses the Assembly.

The Member for Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee) addresses the Assembly.

The Chief Minister addresses the Assembly.

The Member for Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak) addresses the Assembly.

The Chief Minister addresses the Assembly.

**The Assembly adjourns at 12.50 p.m.**

DATUK HAJI HARUN BIN SIRAT
Speaker,
Legislative Assembly,
Penang.